

| | | | |
|-------------|-------------------------|------------|--------------|
| Headline | Ambil kira rakyat | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia (Timur) | | |
| Date | 05 Nov 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 6,500 | Readership | 19,500 |
| Section | News | Page No | 57 |
| ArticleSize | 326 cm ² | Journalist | ABDUL RASHID |
| PR Value | RM 8,409 | | |



TENGKU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH bersama penduduk setempat melihat kejernihan air Sungai Benus Hilir di Pulau Santap, Janda Baik, Bentong, Pahang, baru-baru ini.

Tengku Abdullah mahu aktiviti tebang balak dikurangkan

Ambil kira rakyat

Oleh **ABDUL RASHID**
ABDUL RAHMAN
pengarang@utusan.com.my

■ BENTONG 4 NOV.

PEMANGKU Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menitahkan supaya aktiviti penebangan hutan yang menimbulkan keresanahan penduduk dalam projek pembinaan talian penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Janda Baik di sini dikurangkan.

Baginda bertitah, TNB dan kontraktor terlibat perlu memastikan tiada penebangan balak di luar daripada kawasan yang dibenarkan bagi membuat akses jalan.

“Saya nampak banyak isu adalah mengenai pembalakan, saya nampak banyak kain ren-

tang (mengenai pembalakan), hakikatnya hanya 250 hektar yang diluluskan untuk membuat jalan (akses jalan pembinaan talian penghantaran).

“Penebangan balak kena berhati-hati, jangan melebihi (kelulusan) dan kurangkan penebangan di kawasan yang tidak perlu bagi menjayakan projek itu,” titah baginda sempena lawatan ke Janda Baik di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Datuk Dr. Hizamri Mohd. Yasin dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Rosli Zul.

Projek pembinaan talian penghantaran TNB itu merupakan sebahagian daripada fasa projek pembinaan talian penghantaran sejauh 513 kilometer

dari Air Tawar, Perak ke Yong Peng Johor yang bernilai RM1.5 bilion.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah menitahkan supaya apa sahaja projek yang dilaksanakan perlu mengambil kira pandangan penduduk setempat dan diperjelaskan kepada mereka.

“Saya ingat pihak kerajaan dan Jabatan Perhutanan mengambil iktibar, belajar mana kesilapan jangan sewenang-wenangnya buat kerja tanpa ambil kira pandangan penduduk dan keperluan alam sekitar,” titah baginda.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, pihak terlibat khususnya Jabatan Perhutanan perlu melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan hanya kawasan yang diluluskan sahaja dibenarkan berlaku penebangan balak.